



( 25 ) KPKT/BPK/19/7/4  
Klt. 28  
09 April 2010

## SIARAN MEDIA

### KPKT SEDIA RM 1.892 BILLION BANTU PBT SELURUH NEGARA

**MARANG, TERENGGANU 11 APRIL 2010** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan memperuntukkan sejumlah RM1.892 billion bagi semua negeri melaksanakan projek-projek kecil dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara, kata Dato' Seri Kong Cho Ha, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Katanya, peruntukan yang disediakan ini adalah bagi membantu PBT memberikan perkhidmatan perbandaran kepada masyarakat setempat dengan lebih berkesan melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan kecil di kawasan masing-masing termasuk Projek Pembangunan Penempatan Tradisional dan Tersusun Dalam Kawasan PBT dan Projek Kemajuan Perkampungan Kampung Baru.

Kong berkata, di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9), Kerajaan telah memperuntukkan bagi membiayai projek-projek yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat (*people centric*) seperti projek membina dan menaiktaraf jalan, parit dan longkang, menaiktaraf pejalan kaki dan juga memasang lampu-lampu jalan, membina dewan orang ramai, pondok menunggu bas, tandas awam dan kemudahan rekreasi serta membina projek-projek sosio ekonomi seperti membina dan menaiktaraf pasar awam, gerai dan tapak pasar.

Katanya lagi, sehingga 31 Disember 2009, Negeri Terengganu telah diluluskan peruntukan sebanyak **RM83.16 juta** bagi pelaksanaan projek-projek di bawah BP.1, BP.6 dan BP.31 dan daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM79.75 juta (96%)** telah berjaya dibelanjakan.

Jelasnya, daripada **RM368.2 juta** (2009) yang telah diperuntukkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara, Terengganu telah menerima sebanyak **RM18.73 juta (5.10%)** dan sehingga Disember 2009, Negeri Terengganu telah mencapai sasaran sebanyak 87.80% (RM16.44 juta) bagi melaksanakan projek-projek PBT di seluruh Negeri Terengganu.

Beliau menambah, pembinaan Pasar Awam Bandar Marang merupakan salah satu projek di bawah peruntukan program BP.1 yang diluluskan oleh Kementerian dengan kos berjumlah **RM1.97 juta** dan pembinaan pasar yang lebih besar ini menyediakan lebih banyak ruang niaga untuk manfaat peniaga.

Jelasnya, selain memberi lebih keselesaan kepada peniaga dan orang ramai, pembinaan pasar ini juga akan merancakkan kegiatan ekonomi setempat disamping menjadi wadah kepada aktiviti perniagaan di kawasan Marang.

Katanya, KPKT telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM15.11 juta** (2010) kepada PBT di Negeri Terengganu bagi melaksanakan sebanyak **80 projek** pembangunan kecil yang menjurus kepada projek yang berbentuk *people centric*, *value for money* dan memberi impak yang tinggi kepada masyarakat.

Tambahnya lagi, kesemua **7 PBT** di Negeri Terengganu menerima geran tahunan berjumlah **RM 25.3 juta** dan Sumbangan Membantu Kadar sebanyak **RM RM2.79 juta**. Majlis Bandar Raya Kuala Terengganu (RM 4.76 juta), Majlis Daerah Besut (RM 4.64 juta), Majlis Perbandaran Dungun (RM 4.75

juta), Majlis Perbandaran Kemaman (RM 2.61 juta), Majlis Daerah Hulu Terengganu (RM 3 juta), Majlis Daerah Marang (RM 3.04 juta) dan Majlis Daerah Setiu (RM 2.52 juta).

\*\*\*

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

*Di keluarkan oleh:*

*Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my). Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat [jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my) atau Encik Saleki Amat Januri ditalian mudah alih 019-6297481 atau emelkan ke [saleki62@kpkt.gov.my](mailto:saleki62@kpkt.gov.my) atau Wan Zainal Shahrman di talian mudah alih 0196902862 atau emelkan ke [zainal\\_shahrman@kpkt.gov.my](mailto:zainal_shahrman@kpkt.gov.my)*